

The best tourist attractions in Putrajaya



Managed by:



A member of



## SIARAN MEDIA

### **NAIK CRUISE TASIK PUTRAJAYA SECARA PERCUMA PADA 15 DISEMBER 2018**

**Putrajaya, 23 November 2018** – Orang ramai berpeluang menaiki Cruise Tasik Putrajaya (CTP) sambil menikmati pemandangan Putrajaya yang mempersonakan, secara percuma pada 15 Disember 2018 (Sabtu) ini sempena sambutan ulang tahun CTP yang ke-15. Tempat duduk adalah terhad iaitu hanya untuk 120 orang sahaja dan hanya pada pukul 15:00 atau jam 3.00 petang di Jeti Marina Putrajaya.

Tawaran istimewa ini merupakan salah satu pengisian yang penting di dalam program Lepaq@Marina, yang bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 6.00 petang. Orang ramai juga boleh menaiki CTP secara percuma sekiranya mereka menyertai program derma darah sepanjang Lepaq@Marina.

Antara acara lain yang tidak kurang menariknya di dalam Lepaq@Marina adalah tawaran harga diskaun bagi CTP dan Perahu Dondang Sayang (PDS) menjadi hanya RM15.00 seorang serta diskaun sebanyak 15% bagi tempahan dewan, pakej perkahwinan serta seminar. Selain daripada itu, bagi memeriahkan lagi program ini terdapat juga jualan penggerai dan *food trucks*, pameran perkahwinan, Zumba, Aerobik, *Cardioboxing* dan *inflatable castle* bagi kanak-kanak.

Turut dianjurkan adalah beberapa jenis pertandingan yang bertujuan untuk mempromosikan lagi lokasi Marina Putrajaya (MP) kepada orang ramai seperti pertandingan karaoke, snuker dan skuasy. Hadiah yang ditawarkan bagi setiap pertandingan adalah berupa wang tunai bernilai RM100.00 sehingga RM500.00.

Acara Lepaq@Marina merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB). Pada tahun ini, ia dianjurkan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun ke-15 Pengoperasian CTP.

Antara objektif utama penganjuran acara ini adalah untuk:

- i. Mempromosikan produk-produk MPSB, perkhidmatan dan pakej-pakej di Marina Putrajaya, Cruise Tasik Putrajaya, Kompleks Sukan Air dan Pusat Rekreasi Air Putrajaya kepada pelanggan;

- ii. Merupakan salah satu program penghargaan MPSB kepada pelanggan yang setia;
- iii. Merapatkan silaturrahim di antara para pekhidmat MPSB dan memupuk hubungan baik di antara pekhidmat MPSB dengan para pelanggan dalam memperkuatkan kedudukan MP dan produk-produk lain MPSB sebagai produk rekreasi dan pelancongan yang terbaik di Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara Lepaq@Marina boleh berhubung melalui platform media sosial Facebook Marina Putrajaya atau boleh layari laman sesawang di [www.marinaputrajaya.com](http://www.marinaputrajaya.com). Pelbagai info boleh didapati termasuk borang beserta terma dan syarat pertandingan, pencarian jualan penggerai dan aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan pada hari berkenaan.



**DATO' ZAHARAH SALAMAT**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Marina Putrajaya Sdn. Bhd.

Tarikh : 26 November 2018